

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Sunday, February 23, 2020 6:39 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Staf - Pesara UUM
Subject: Derma Darah Jadi Tanggungjawab Sosial Kepada Komuniti



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

23 FEBRUARI 2020 / 29 JAMADILAKHIR 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Akmal Ahlami Md. Rozai
Gambar oleh: JKPS INASIS Bank Rakyat

DERMA DARAH JADI TANGGUNGJAWAB SOSIAL KEPADA KOMUNITI



UUM ONLINE: "Sudah menjadi tanggungjawab sosial saya kepada komuniti untuk menderma darah sejak saya belajar di universiti ini," kata pelajar Inapan Siswa (INASIS) Bank Rakyat, Ashrafi Sulaiman, 23.

Menurutnya, dia mula menderma darah sejak berusia 20 tahun apabila disarankan salah seorang sahabatnya yang juga penderma darah.

"Pada mulanya, saya berasa takut kerana mendengar banyak mitos mengatakan berat badan akan naik mendadak serta berisiko mendapat penyakit berjangkit selepas proses menderma darah dilakukan".

"Namun, saya ketepikan mitos-mitos tersebut dan memikirkan tanggungjawab saya kepada masyarakat terutama pesakit yang mungkin memerlukan bantuan darah ini," katanya ketika ditemui selepas program "*Blood Donation, Every Drops Count*" di Masjid Kachi, baru-baru ini.

Ashrafi berkata, niat utama dia menderma darah adalah untuk membantu menyelamatkan nyawa orang lain dan dia berasa puas apabila dapat menjalankan tanggungjawabnya itu.

Menurutnya lagi, dia mendapat tahu dengan menderma darah itu mampu untuk menyelamatkan tiga nyawa pesakit dengan menyumbangkan darah merah, platelet dan plasma.

Katanya juga, dia menggalakkan semua pelajar UUM untuk bersama-sama menyertai program derma darah kerana amalan tersebut juga baik untuk kesihatan seperti mengurangkan risiko penyakit jantung.

Sementara itu, pengarah program, Irfan Jafni Izham berkata, program selama sehari itu berjaya menarik 87 penderma terdiri dari kalangan staf dan pelajar.

Menurutnya, menderma darah bukan sahaja mampu menyelamatkan nyawa orang lain, malah berdasarkan kajian pakar perubatan, setiap satu pain darah iaitu kira-kira 450 milimeter yang didermakan akan membakar sebanyak 650 kalori dalam badan penderma.

Katanya, dia berharap program seperti ini akan diteruskan lagi pada masa hadapan dan mendapat sambutan lebih menggalakkan bukan sahaja daripada warga UUM, malah penduduk setempat.

Program anjuran Biro Keselamatan dan Kesihatan dibawah Jawatankuasa Kepimpinan dan Pembangunan Siswa (JKPS), INASIS Bank Rakyat itu telah mendapat kerjasama pihak Hospital Sultanah Bahiyah.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.